

Tiada penetapan harga siling petrol RON95

KUALA LUMPUR - Kerajaan tidak bercadang menetapkan harga siling minyak petrol RON95.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasion Ismail berkata, pertemuan bersama syarikat minyak memberi gambaran bahawa harga minyak dunia akan berlegar di antara AS\$50 hingga AS\$60 (RM209.65 - RM251.58) per tong ketika pengenalan Program Subsidi Petrol (PSP) bermula Januari 2020.

"Ketika harga diapungkan nanti, kalau kita benarkan lonjakan sehingga RM2.50 impak ekonominya sukar diperbetulkan."

"Jadi peningkatan secara gradual itu adalah 1,2 atau 3 sen sangat bergantung kepada momen ketika Januari itu keadaan harga minyak mentah dunia."



SHARIFUDDIN

"Prinsip itu AS\$50 hingga AS\$60 (RM209.65 - RM251.58) per tong kita sudah boleh buat ramalan. Peningkatan itu sangat minimum agar tidak memberi kesan parah yang sukar diperbetulkan kepada rakyat," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan




FOTO: SUMBER INTERNET

Harga petrol RON95 akan diapungkan bermula tahun depan.

Khairy Jamaluddin (BN-Rembau) sama ada kerajaan akan menetapkan harga siling minyak RON95 jika naik terlalu tinggi.

Saifuddin berkata, prinsip itu tidak membebankan rakyat kerana mereka masih dapat menikmati subsidi kerajaan.

"Jika naik 2 sen bermaksud

harga di pam RM2.10 walhal harga ketika itu masih diberi subsidi 25 sen. Jadi rakyat masih terima 21 sen subsidi," katanya.

Harga petrol RON95 akan diapungkan bermula tahun depan berikutan pengenalan Program Subsidi Petrol (PSP) ber-sasar.